

Kelestarian Masjid di Malaysia Menerusi Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff
Muammar Ghaddafi Hanafiah
Pusat Penyelidikan Bitara Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM
yuszaidy@ukm.edu.my

Abstrak

Kajian ini mengenai kelestarian masjid dari sudut pemuliharaan yang berdasarkan Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]. Bangunan masjid semakin hari semakin usang dari segi struktur, warna dan binaan yang memerlukan kos yang tinggi untuk memulihara seperti sedia ada. Bangunan masjid tertakluk dalam kelompok warisan ketara yang berasaskan bangunan, monumen dan tapak bersejarah. Oleh itu, objektif kajian ini untuk mengenal pasti peruntukan yang termaktub dalam Akta 645 yang boleh memulihara bangunan masjid daripada rosak dan runtuh akibat tindakan cuaca dan fizikalnya. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan etnografi melalui kajian lapangan dan kajian perpustakaan. Data yang diperolehi melalui pengutipan dan pengumpulan akan menjalani proses analisis kandungan dan interpretasi. Hasil dapatan daripada analisis menunjukkan terdapat beberapa peruntukan seksyen yang terkandung dalam akta itu membantu menyediakan keperluan dalam usaha pemuliharaan. Hasil kajian itu amat jelas mengenai keupayaan Akta 645 dalam memberi penambahbaik terutamanya dari segi kos kewangan yang diurus oleh Jabatan Warisan Negara. Justeru itu, kajian ini diharap dapat menambahkan lagi perkembangan ilmu dalam bidang pengajian warisan di Malaysia dan memberi manfaat kepada negara amnya.

Kata kunci: Akta Warisan Kebangsaan, bangunan, kelestarian, masjid dan warisan ketara

Pengenalan

Masjid selain berfungsi sebagai tempat beribadat bagi umat Islam, ia juga berperanan tempat kemasyarakatan kepada masyarakat persekitarnya (Mohd Taib Osman 1989). Namun kebanyakan bangunan masjid lama di Malaysia kelihatan uzur dan tidak bermaya disebabkan pembinaan yang beratus tahun dan tidak terjaga dengan sebaiknya. Masjid lama telah disenaraikan sebagai bangunan warisan di Malaysia (Jabatan Warisan Negara 2018). Penyenaian ini penting dalam usaha untuk menjaga dan memuliharaan masjid itu dengan kelestarian supaya menjadi ikon atau mercu tanda bagi umat Islam dan masyarakat sekitarnya. Penyenaian masjid dalam kategori warisan ketara adalah untuk mengelakan memberi pandangan menjejaskan kepada landskap sesuatu bandar atau pekan (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff 2015).

Konsep Warisan

Warisan terbahagi kepada dua kategori iaitu warisan ketara (*tangible heritage*) dan warisan tidak ketara (*intangible heritage*) (Akta Warisan Kebangsaan 2005). Warisan ketara adalah sesuatu

yang kekal dilihat sehingga ke hari ini dan boleh dipegang sama ada statik atau mudah alih adalah seperti tapak tanah bersejarah, monumen dan bangunan serta alam semula jadi. Manakala warisan ketara mudah alih seperti artifak. Warisan tidak ketara pula merupakan warisan tidak nyata seperti ilmu dan kepakaran yang ditafsir melalui tradisi lisan, nilai-nilai adat dan budaya, bahasa dan persuratan (Fielden 2000; Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar Ghaddafi Hanafiah 2016). Bangunan masjid lama boleh dikelaskan sebagai warisan ketara (tangible heritage) memandangkan ianya masih boleh dipegang dan utuh sehingga ke hari ini.

Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]

Satu akta warisan yang tegas dan lengkap telah diwartakan pada Januari 2005 iaitu Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]. Secara tidak langsung beberapa seksyen pada akta terdahulu termansuh dan tidak terpakai lagi terhadap Akta Benda Purba 1976 [Akta 168] dan Akta Harta Karun 1957 [Akta 524] (Abdul Aziz Hussin 2011: 32; Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar Ghaddafi Hanafiah 2015: 223). Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] bertindak sebagai akta utama dalam bidang khazanah warisan (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff 2013: 66).

Perbincangan

Masjid Kampung Hulu dan telah dibina dalam tahun 1728 semasa zaman Belanda di Melaka. Masjid ini di antara yang paling tua di Malaysia. Masjid ini terletak di tengah bandar Melaka. Masjid Kampung Hulu sehingga hari ini masih digunakan untuk aktiviti berkaitan solat, ceramah agama dan berada ditapaknya yang asal. Penyenaraian bermula apabila masjid ini telah mengalami pelbagai kerosakan seperti dinding, tingkap, lantai dan tangga (Kamarul Syarul Kamal & Lilawati Ab. Wahab 2014). Selain itu, masjid ini kelihatan usang tanpa perjagaan yang baik serta hendak dirobohkan. Merujuk kepada kepentingannya dalam sejarah dan warisan telah menarik perhatian pihak berwajib dalam usaha memberi kelestarian terhadapnya (<https://www.bharian.com.my/.../masjid-kampung-hulu-tertua-di-me>).

Kes merobohkan bangunan masjid lama di Kampung Hulu, Melaka akibat pembangunan fizikal yang tidak terkawal. Masjid lama ini terletak dalam zon ekonomi yang tinggi, penggunaan tanah yang maksimum dan nilai harga tanah yang tinggi (Howard 2003). Permintaan tanah yang mendesak telah memberi tekanan supaya tapak masjid lama itu perlu dirobohkan dan dipindahkan ke kawasan tapak lain (https://www.academia.edu/.../Latar_Belakang_Masjid_Kampung_Hulu_M). Kes merobohkan masjid lama telah dibantah oleh beberapa badan bukan kerajaan dan masyarakat setempat. Pihak badan bukan kerajaan dan masyarakat setempat melalui Perbadanan Muzium Melaka telah berbincang dengan Jabatan Muzium dan Antikuiti mengenai kepentingan masjid lama pada masyarakat setempat seterusnya. Masyarakat setempat terutamanya masyarakat Melayu telah bersetuju menyerahkan jagaan masjid lama itu kepada pihak Jabatan Muzium dan Antikuiti untuk mengurusnya. Masjid ini berada dalam komuniti petempatan masyarakat Cina di bandar Melaka.

Masjid Kampung Hulu mempunyai ciri-ciri seni bina Jawa iaitu mempunyai tiga bentuk lapis bumbung, ruang-ruang antara lapisan-lapisan bumbung ini membolehkan pengaliran udara berlaku keluar masuk dan begitu juga cahaya masuk ke dalam masjid. Lapisan-lapisan seni bina ini telah menambahkan kecantikan dan keunikan kepada bangunan masjid itu. Bahan binaan

Masjid Kampung Hulu didapati menggunakan batu-bata dan simen dalam pembinaan bangunan masjid dan tembok pagarnya. Keunikan Masjid Kampung Hulu mengenai ukiran motif-motif yang terdapat pada tepian kubah masjid. Idea ukiran ini berdasarkan kepada alam semula jadi seperti tumbuhan yang terdapat pada bumbung, dinding dan pintu masjid. Pada hujung bumbung, sulur buyur telah dihasilkan, bentuk mahkota dan awan larat (Siti Norlizaiha Harun, 2010) .

Pada peringkat awal, Jabatan Muzium dan Antikuiti telah menyelaras dan mengguna pakai dua peruntukan dalam Akta Harta Benda Purba 1976 (Akta 168) iaitu peruntukan Seksyen 17 dan Seksyen 18. Kedua-dua peruntukan itu mengenai bidang kuasa Ketua Pengarah memperoleh persetujuan daripada Pihak Berkuasa Negeri mengurus dan menjaga warisan melalui peruntukan tersebut. Selain itu, peruntukan ini memberi kebenaran memasuki untuk melakukan kerja-kerja penelitian dan penyelidikan ke atas bangunan masjid lama itu. Jabatan Muzium dan Antikuiti telah juga mengguna pakai peruntukan Seksyen 16 mengenai perbuatan-perbuatan yang dilarang ke atas monumen lama dan tapak tanah bersejarah seperti di bawah ini antaranya:

- (a) menggali tanah, menjalankan penggalian, mendirikan binaan, menanam pokok, melombong batu, membuat talian, membakar kapur atau menjalankan kerja-kerja seumpamanya atau menempatkan tanah atau sampah atas atau berhampiran dengan monumen lama atau tapak tanah bersejarah dan menubuhkan atau memperluaskan perkuburan atas tapak bersejarah;
- (b) merobohkan sesuatu monumen lama atau mengganggu, menghalang, mengubahsuai, menandakan, meruntuh atau memindahkan sesuatu monumen itu atau mana-mana bahagian daripadanya; atau

Peruntukan Seksyen 16 jelas menerangkan larangan-larangan atau perbuatan-perbuatan ke atas bangunan lama seperti pada subseksyen (b) menyatakan larangan merobohkan sesuatu bangunan lama yang telah dijadikan warisan. Secara tidak langsung, Akta Benda Purba 1976 [Akta 168] telah memberi perlindungan kepada Masjid Kampung Hulu. Selain itu, peruntukan Seksyen 28(4) dalam akta itu jelas menyatakan seseorang yang melanggar Seksyen 16 (Perbuatan-perbuatan yang dilarang berkenaan dengan monumen lama dan tapak tanah bersejarah) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan penjara tidak lebih daripada tiga bulan atau denda tidak lebih daripada RM500.00 atau kedua-duanya.

Kemuncak apabila Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] telah memberi perlindungan Masjid Lama Kampung Hulu pada tahun 2006. Masjid Lama Kampung Tua telah dijadikan kawalan dan pemantau Jabatan Warisan Negara dari segi pentadbiran. Perubahan pertukaran pengurusan telah berlaku antara Jabatan Muzium dan Antikuiti dengan Jabatan Warisan Negara yang selari dengan penggubalan Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]. Masjid Lama Kampung Hulu telah didaftarkan oleh Jabatan Warisan Negara dalam senarai warisan supaya dapat dipantau seterusnya.

Selain itu, Masjid Lama Kampung Hulu dimasukkan dalam zon warisan Bandaraya Melaka Bersejarah. Mengikut Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645], Masjid Lama Kampung Hulu tertakluk kepada beberapa peruntukan seperti Seksyen 38, jagaan tapak warisan dan Seksyen 41 yang berkaitan perintah pemeliharaan monumen. Peruntukan Seksyen 38 memberi pilihan

kepada pemunya atau pemilik bangunan yang dinyatakan pada subseksyen (2) iaitu jika pemunya atau penduduk bersetuju dengan apa-apa perkiraan di bawah perenggan (1)(a). Pesuruhjaya boleh membuat sumbangan bagi kos menjalankan apa-apa kerja pembaikan atau pemuliharaan yang difikirkan perlu.

Masjid Lama Kampung Hulu sehingga kini turut diberi perlindungan daripada peruntukan Seksyen 112 dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] yang berkaitan mengenai kesalahan berkenaan tapak warisan. Peruntukan Seksyen 112 banyak membantu warisan negara berada dalam keadaan baik dan terpelihara daripada tindakan manusia, haiwan dan iklim. Seksyen 112 (1)(b) jelas menyatakan keperluan yang perlu dipatuhi dan diikuti akibat tidak memperoleh kebenaran bertulis dari Pesuruhjaya seperti di bawah:

Seksyen 112

(1) Tiada seorang pun boleh, tanpa kelulusan Pesuruhjaya secara bertulis-

(a) mengorek, membina, menggali, membangun, menanam pokok, menguari, mengairi, membakar kapur atau mendepositkan tanah atau sampah, di atas atau di tapak warisan atau kawasan pemuliharaan;

(b) merobohkan, mengganggu, menghalang, mengubah suai, menandakan, meruntuhkan atau mengalih mana-mana monumen di mana-mana tapak warisan;

Perlindungan yang diberikan pada peruntukan Seksyen 112 (2) membantu menghalang berlakunya kes merobohkan bangunan atau monumen lama. Perlindungan pada peruntukan jelas menyatakan kesalahan yang dikenakan kepada pelanggar atau melakukan kesalahan boleh dikenakan hukuman jika didapati bersalah yang melanggar undang-undang itu dipenjarakan tidak melebihi 5 tahun, hukuman denda tidak pula tidak melebihi 50 ribu ringgit atau kedua-duanya. Peruntukan itu juga dinyatakan dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] iaitu subseksyen (2), Mana-mana orang yang, tanpa kuasa yang sah, melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Kesimpulan

Keperluan kelestarian bangunan masjid lama amat diperlukan bagi mengekalkan struktur binaan, dinding bangunan dan ruang dalaman masjid daripada kerosakan teruk kerana faktor usia dan tindakan manusia, iklim dan cuaca. Masjid lama yang dibina adalah mempunyai nilai kepentingan yang tinggi dari segi sejarah dan warisannya, selain itu berkaitan rapat dengan masyarakat persekitaran dalam usaha membina dan membangun masjid itu pada peringkat awalnya. Di atas faktor itu, masjid yang dibina atas susah payah serta kesukaraan masa pembinaan perlu kelestarian mengikut keperluan semasa supaya dapat dihayati oleh generasi muda dan kini. Oleh itu, kesimpulan hasil kajian ini mendapati beberapa seksyen yang termaktub dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] telah memberi peruntukan sewajar dalam usaha memberi kelestarian terhadap bangunan masjid lama. Peruntukan seksyen itu amat membantu dan menolong kepada pihak pengurusan masjid dari segi kos kewangan dan perlindungan kepada pengekal masjid ditapak asalnya. Bangunan itu telah disenaraikan dan diwartakan sebagai senarai warisan dan warisan kebangsaan. Secara tidak langsung, bangunan

dan tapak masjid di bawah kawalan perijagaan Jabatan Warisan Negara berserta dengan majlis agama atau jabatan agama negeri yang menguruskan tadbirannya mengikut persetujuan bersama yang selari dengan peruntukan perundangan warisan itu. Selain itu diharapkan kajian ini dapat mengembangkan pengajian warisan sebaris atau setara dengan bidang pengajian lain. Justeru, hasil kajian yang diperolehi dapat memberi ilmu dan pengetahuan kepada masyarakat mengenai bidang pengajian warisan dan warisan juga boleh dilihat melalui perspektif perundangan.

Bibliografi

Abdul Aziz Hussin, et al. 2012. *Pemuliharaan dan Pemeliharaan Warisan di Malaysia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia

Fielden, B. M. 2000. *Conservation of Historic Buildings*. Oxford: Architectural Press.

Howard, Peter. 2003. *Heritage: Management, Interpretation, Identity*. New York: Continuum.

<https://www.bharian.com.my/.../masjid-kampung-hulu-tertua-di-me..>

https://www.academia.edu/.../Latar_Belakang_Masjid_Kampung_Hulu_M...

Kamarul Syarul Kamal & Lilawati Ab. Wahab. 2014. *Bangunan Bersejarah: Kerosakan dan Penyataan: Kaedah Kerja Pemuliharaan*. Kuala Lumpur: UITM Press.

Malaysia. 2005. *Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645)*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Negara.

Malaysia. 1976. *Akta Benda Purba 1976 (Akta 168)*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Negara.

Mohd. Taib Osman (1989) *Masyarakat Melayu: Struktur, Organisasi dan Manifestasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, & Muammar Ghaddafi Bin Hanafiah. 2016. *Akta Warisan Kebangsaan 2005 (akta 645): penilaian dari aspek perundangan dan penguatkuasaan*, *Jurnal Melayu*, 202-223.

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. 2015. *Undang-undang dan Akta Perlindungan Warisan Kebudayaan di Malaysia: Satu Analisi Perkembangannya*. Doktor Falsafah Tidak diterbitkan. Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Bangi

Siti Norlizaiha Harun, et.al. *Pemuliharaan Bangunan Bersejarah*. 2010. Shah Alam: UITM Press